

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Keldai akaun disabit atas dua pertuduhan didenda RM1,000
Date : 22 January 2025
Section : Tempatan
Page : 2



Keldai akaun disabit atas dua pertuduhan didenda RM1,000

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM1,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas dua pertuduhan memiliki sejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

Chiong Xiao Wen, 23, dari Sri Petaling, Kuala Lumpur telah didakwa atas dua tuduhan di bawah Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara hingga tiga bulan dan denda maksimum RM500, jika sabit kesalahan atas setiap pertuduhan yang dihadapi.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah memiliki wang masing-masing berjumlah RM600 dan RM450 di

dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu masing-masing antara jam 8.42 malam dan 10.01 malam, 30 November 2022 dan jam 12.10 tengah hari, 1 Disember 2022 di sebuah premis di Kompleks Beli-Belah Imperial di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu agar hukuman ke atasnya diringankan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Bagi kesalahan pertama dan kedua, tertuduh masing-masing didenda RM500 atau sebulan penjara.

Pendakwa dan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Ashok Lingam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.